

26 NOV 1999

Pilihan raya-Kapit (Fokus Berita)

KAWASAN PENDALAMAN KAPIT BANGKIT KERANA KEGHAIRAHAN PILIHAN RAYA

Oleh: Edward Stephen

KAPIT, 26 Nov (Bernama) -- Sejak hari penamaan calon, setiap hari beberapa ratus orang memasuki sebuah bilik di tingkat satu bangunan rumah kedai empat tingkat yang disewa di sini.

Mereka datang kerana pelbagai sebab tetapi paling banyak untuk mengutip surat untuk menukarnya dengan petrol di stesen minyak tepi sungai yang telah dilantik.

Itu pemandangan di bilik operasi Barisan Nasional (BN) bagi kawasan Parlimen Kapit, sebuah pekan kecil di Sungai Rejang, sungai terpanjang di Malaysia sepanjang kira-kira 350 km, dan merupakan cara komunikasi utama di sini.

Mereka adalah pekerja pilihan raya, dan minyak merupakan bahagian utama perbelanjaan untuk sampai kepada pengundi di lebih daripada 300 rumah panjang di kawasan pedalaman.

Kawasan pilihan raya Kapit menyaksikan pertandingan tiga penjurong antara calon BN Alexander Nanta Linggi, calon Keadilan Beginda Minda alias Nor Azaman Abdullah dan calon bebas Richard Nujong Abit.

Kawasan itu yang mempunyai 22,020 penguni, kebanyakannya Iban, telah menjadi kubu kuat BN. Pada pilihan raya lepas, penyandang tiga penggal James Jimbun Pungga menang dengan 2,379 undi, mengalahkan calon Bebas, Lau Ung Hai.

Kali ini, BN, yang mempunyai kelebihan berbanding calon lain dalam bentuk jentera pilihan raya, meletakkan calon yang mempunyai keupayaan meyakinkan. Nanta Alexander, 41, yang lebih dikenali sebagai Alex, adalah setiausaha politik kepada Ketua Menteri Sarawak.

Latar belakang keluarganya adalah lebih meyakinkan. Beliau adalah cucu Tun Jugah anak Barieng, satu masa dulu ketua puak Iban, dan Menteri Pusat bagi hal ehwal Sarawak di bawah Perdana Menteri Malaysia pertama dan kedua.

Bapanya ialah Datuk Amar Leonard Linggi Jugah, anggota kabinet negeri pada tahun 70-an dan kini seorang ahli perniagaan, selain menjadi setiausaha BN Sarawak.

Alex berpendidikan tinggi, dan yang paling penting pencalonannya seperti yang disuarakan sendiri oleh Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud pada satu perjumpaan di Song, "disokong sepenuhnya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad".

Sebagai calon BN, beliau sinonim dengan "projek pemansang" (bahasa Iban bagi projek pembangunan). Sejak dilantik sebagai setiausaha politik kira-kira tiga tahun lepas, Alex kerap menjelajah kawasan itu sebagai persediaan bagi tugas yang lebih besar di hadapannya.

Bagi dua lawannya, pemerhati bersetuju bahawa Beginda, 39, seorang ahli perniagaan, lebih dikenali.

Beliau terkenal kerana menjadi salah seorang saksi dalam kes rasuah bekas timbalan perdana menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Kuala Lumpur.

Beginda keluar daripada Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), sebuah parti komponen BN, untuk menyertai Keadilan.

Slogan perjuangan Baginda ialah meminta rakyat memberi peluang kepada Keadilan untuk membentuk kerajaan di bawah pakatan pembangkang, barisan alternatif.

Beliau berkata jika pembangkang menang pilihan raya, lebih banyak pembangunan tanah akan dilaksanakan supaya tidak menggalakkan belia Iban daripada "berjalai" (meninggalkan bandar untuk mencari pekerjaan di tempat lain).

Seorang lagi calon, Richard, 42, bekas guru lebih banyak membangkitkan isu-isu tempatan dan persendirian. Beliau meletakkan harapan kepada rakan-rakan dan saudara mara untuk memenangi kerusi itu.

Taib pada sesi pertemuan dengan rakyat bagi menyokong calon BN menjanjikan projek bernilai kira-kira RM25 juta bagi daerah itu termasuk jalan baru.

Mesej Taib adalah jelas -- Sokong BN bagi pembangunan berterusan dan kemajuan.

Peniaga Pua Boon Seng, 65, merasakan bahawa menerusi projek-projek itu belia tempatan mungkin boleh dipujuk untuk terus menetap dan tidak mencari pekerjaan di tempat lain.

Menurutnya, ramai orang dari daerah itu bekerja di syarikat-syarikat minyak sehingga ke Norway, Arab Saudi, Britain dan tempat lain.

"Penduduk di sini juga ghairah mendapat jalan yang menghubungkan dengan Song dan akhirnya ke Sibu," katanya.

-- BERNAMA

ESS AU LAT